

Guan Eng: Konflik Karpal-Ramasamy sudah berakhir
The Malaysian Insider
21 Mac , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 21 Mac — Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng hari ini menjelaskan konflik yang berlaku antara Karpal Singh dan Dr P. Ramasamy telah berakhir.

Perkara itu berikutan pertemuan antara Lim dengan pemimpin kanan parti tersebut termasuk Karpal semalam.

“Semalam, Lim Kit Siang, Dr Chen Man Hin dan saya telah mengadakan mesyuarat bersama Pengerusi Kebangsaan DAP Karpal Singh,” jelas Lim (gambar) dalam satu kenyataan hari ini.

“Dan kami telah bersetuju bahawa episod terkini yang sedang dimainkan oleh media kawalan BN sudah pun berakhir.”

Ahad lalu, Karpal dilaporkan menyelar jawatankuasa disiplin parti ketika sidang media kerana membebaskan Ramasamy daripada pertuduhan melanggar disiplin parti apabila beliau mengetuai demonstrasi terhadap pemimpin DAP Disember lalu.

Menurut beberapa laporan media, Karpal berkata jawatankuasa yang terdiri daripada empat anggota, yang diketuai oleh Pengerusi, Tan Kok Wai, tidak layak untuk mengendalikan kes tersebut kerana Ramasamy turut merupakan ahli jawatankuasa penasihat parti.

Pemimpin veteran itu berkata mereka seharusnya menarik diri daripada menyelesaikan kes tersebut dan melantik ahli baru menggantikan tempat keempat-empat mereka.

Berdasarkan laporan sebelum ini, Lim berkata beliau dan pemimpin lain akan mengadakan perbincangan dengan Karpal untuk berbincang dengan lebih lanjut berkenaan isu yang sudah berlarutan sejak beberapa lama tersebut.

Beliau menambah, perkara berkenaan seharusnya diselesaikan secara dalaman dan bukannya menimbulkan kekecohan kepada umum.

Karpal dan Ramasamy, yang merupakan Timbalan Setiausaha Agung DAP, mula bertelagah tahun lepas apabila menamakan dirinya dan tiga yang lain sebagai calon untuk pilihan raya umum akan datang.

Tindakan itu mengejutkan Karpal dan menyelar Ramasamy kerana membuat kenyataan sedemikian sedangkan beliau tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan tersebut.

Dalam pertengkaran mulut antara mereka, Karpal melabel Ramasamy sebagai “warlord”, dan dibalas Ramasamy dengan “godfather” kepada Karpal.

Ketika Konvensyen DAP Disember lalu, sekumpulan penentang telah mengadakan demonstrasi, yang mendakwa menyokong Ramasamy menyuarakan perasaan tidak puas hati termasuk 33 ahli menentang Timbalan Ketua Menteri Pulau Penang II dengan tindakan

disiplin.

Jawatankuasa berkenaan bagaimanapun membebaskan Ramasamy pada 12 Mac, dan berkata tiada bukti kukuh penglibatan beliau terhadap protes berkenaan.

Lim yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, menggesa ahlinya bersatu dan fokus bagi menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 akan datang bagi membawa perubahan demi menyelamatkan Malaysia.

"Saya menyeru agar semua ahli-ahli akan bersatu dan menumpukan perhatian kepada peluang bersejarah untuk membawa perubahan dan menyelamatkan Malaysia dalam Pilihan Raya Umum yang akan datang.

"Semua pemimpin parti dan ahli harus bersatu-padu supaya musuh politik kita tidak mempunyai sebab untuk mengeksploitasikan keadaan dengan menganjurkan demonstrasi terhadap DAP atau mana-mana pemimpin DAP," tegas Lim yang juga merupakan Ahli Parlimen Bagan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-gesa-ahli-fokus-dalam-pru-bagi-selamatkan-malaysia/>